

 <p>MDBG</p>	JABATAN PELESENAN, MAJLIS DAERAH BATU GAJAH, JALAN HAJI ABDUL WAHAB, 31000 BATU GAJAH.						
	SYARAT – SYARAT TRED, PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN						
	<i>syaratsyarat-tred/JP-MDBG</i>	<table border="1"> <tr> <td>No. Telefon</td> <td>05-3632020-3632030</td> </tr> <tr> <td>No. Fax</td> <td>05-3665930</td> </tr> <tr> <td>E-mail</td> <td>pelesenan@mdbg.gov.my</td> </tr> </table>	No. Telefon	05-3632020-3632030	No. Fax	05-3665930	E-mail
No. Telefon	05-3632020-3632030						
No. Fax	05-3665930						
E-mail	pelesenan@mdbg.gov.my						

1. Lesen ini tidak boleh dipindahmilik tanpa kebenaran bertulis daripada Yang Dipertua, Majlis Daerah Batu Gajah.
2. Pengusaha bertanggungjawab mengistiharkan secara bertulis kepada Majlis ini mengenai adanya bahan berbahaya di premis berkenaan samada sebelum, semasa atau selepas pemprosesan (termasuk sisa tred / kilang).
3. Pengusaha mesti menjaga dan menyenggara premisnya supaya sentiasa berkeadaan bersih.
4. Sisa (sampah) perusahaan / perindustrian hendaklah dikumpul dan diluluskan sendiri oleh pengusaha dengan cara yang diluluskan oleh pihak Majlis ini agar tidak mendatangkan sebarang kacauganggu atau pencemaran alam sekitar yang membahayakan kesihatan awam.
5. Tong sampah (berukuran 3 kaki padu) dari bahan yang tidak telap air dan bertutup rapat hendaklah disediakan bagi mengumpul sampah dapur kantin sahaja (domestic refuse). Sila gunakan karung plastik. Tong sampah hendaklah diletakkan di satu tempat yang sesuai dan mudah diservis oleh pekerja MDBG menurut jadual yang ditetapkan.
6. Pengusaha mesti pastikan ruang tempat kerja mendapat pencahayaan dan ganti udara samada asli mahupun buatan yang mencukupi dan tidak memudaratkan kesihatan pekerja.
7. Pengusaha mesti menyediakan kemudahan tandas , tempat kencing , basin cuci tangan dan sebagainya serta dilengkapi dengan bahan mencuci seperti sabun dan lain-lain dengan secukupnya bagi keperluan para pekerja dan kemudahan sedemikian mesti diasingkan bagi kedua-dua jantina.
8. Punca bekalan air mesti daripada bekalan Lembaga Air Perak.
9. Sistem pencegahan kebakaran yang diluluskan oleh pihak Jabatan Bomba mesti diadakan dan disenggara dengan sempurna.
10. Penggunaan peralatan berjentera (jika ada) mesti mendapat kebenaran daripada pihak Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

11. Pencemaran alam sekitar hendaklah ditahap yang paling minima dan mesti mematuhi kehendak piawaian pihak Jabatan Alam Sekitar.
12. Pengusaha dan pembantu mesti mematuhi semua arahan yang dikeluarkan oleh Yang Dipertua MDBG atau mana-mana pegawai yang diberi kuasa oleh beliau yang dikeluarkan dari masa ke semasa samada secara bertulis mahupun lisan.
13. Kegagalan mematuhi mana-mana syarat di atas boleh menyebabkan lesen anda dibatalkan atau lesen tidak diperbaharui.
14. Pengusaha mestilah mendapat kebenaran dan kelulusan yang berkaitan dari masa ke semasa daripada Jabatan-Jabatan Kerajaan lain seperti JPJ, Jabatan Kesihatan, Pejabat Daerah dan Tanah Kinta, JKR dan lain-lain Jabatan yang berkenaan.
15. Pengusaha hendaklah mematuhi Peraturan-Peraturan dan Undang-Undang yang berkuatkuasa dari masa ke semasa.

ARAHAN :-

**YANG DIPERTUA,
MAJLIS DAERAH BATU GAJAH.**